

DO93

R B947 BAH
MAHATHIR - SIRIM

SHAH ALAM, 25 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENIMBANGKAN KEMUNGKINAN MENAMBAH PERUNTUKAN KEWANGAN DAN KAKITANGAN TERLATIH KEPADA INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (SIRIM) BAGI MENJALANKAN SEGALA PENYELIDIKAN YANG DIPERLUKAN OLEH INDUSTRI NEGARA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MEMANDANGKAN PERANAN SIRIM KINI SEMAKIN MENINGKAT, IA MEMERLUKAN LEBIH RAMAI KAKITANGAN TERLATSH TERUTAMANYA YANG MEMPUNYAI IJAZAH SARJANA DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU.

PENAMBAHAN KAKITANGAN ITU BOLEH DILAKUKAN MELALUI PEMBERIAN LATIHAN DAN PENYEDIAAN JAWATAN-JAWATAN TERTENTU, KATANYA KEPADA PEHBERITA SELEPAS MELAWAT IBU PEJABAT SIRIM DAN PUSAT PEMBANGUNAN INDUSTRI LOGAM SIRIM (MIDEC), DI SINI.

LAWATAN ITU MERUPAKAN YANG KETIGA SEJAK TAHUN 1979. DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK LAWATAN ITU, SIRIM TELAH MENUNJUKKAN KEHAJUAN YANG HEMUASKAN.

BELIAU BERKATA DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU, SIRIM MEMPUNYAI KEHAHIRAN TEKONOLOGI YANG TINGGI, DAN BAGI MEMPASTIKAN USAHA ITU BERTAMBAH MAJU, INSTITUT ITU MEMERLUKAN LEBIH BANYAK KAKITANGAN TERLATIH DALAM BIDANG-BIDANG BERKENAAN. -- LAGI

1537HST 25 07 09

DO97

R B951 BAH
MAHATHIR - SIRIM 2 SHAH ALAM

+KERAJAAN BERPENDAPAT NEGARA MEMPUNYAI TENAGA KERJA YANG BOLEH DXLATIH DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU DENGAN BANTUAN PAKAR-PAKAR DARI LUAR NEGARA+, KATANYA SAMBIL MENGUCAPKAN PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN JERMAN BARAT YANG KINI TURUT MEMBANTU SIRIM DALAM BIDANG PENYELIDIKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA TEKANAN PERLU DIBERI TERHADAP KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN UNTUK MEMBANTU PROSES PERINDUSTRIAN NEGARA.

+TUGAS-TUGAS YANG DIJALANKAN SECARA CUBAAN TANPA PENYELIDIKAN DAN PEHBANGUNGAN YANG SEMPURNA AKAN MELIBATKAN BELANJA YANG BANYAK DAN MUNGKIN MERUGIKAN USAHAWAN KITA, DI SAMPING MELAMBATKAN PROSES PERINDUSTRIAN NEGARA+, KATANYA.

BELIAU BERKATA LAWATAN KE SIRIM ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PROGRAM LAWATANNYA KE PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN NEGARA UNTUK MENINJAU SECARA DEKAT KERJA-KERJA YANG DILAKSANAKAN OLEH PUSAT-PUSAT BERKENAAN.

MENURUTNYA LAWATAN SEDEMIKIAN BOLEH MENJADI PANDUAN BAGINYA UNTUK MENGETAHUI PERKEMBANGAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DALAM NEGARA DAN KEKURANGAN-KEKURANGAN YANG PERLU DIATASI. -- LAGS

1545MST 25 07 89

D108

R B954 B A H
MAHATHIR - SIRIM 3 SHAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR **BANGGA** DENGAN PERANAN SIRIM SEBAGAI INKUBATOR KEPADA **INDUSTRI-INDUSTRI** KECIL YANG **BARU** MENCEBURI BEBERAPA BIDANG INDUSTRI **LOGAM**, YANG DIANGGAPNYA SEBAGAI SATU PERKEMBANGAN MENGGALAKKAN.

SATU **LAGI** AKTIVITI YANG MENARIK PERHATIAN PERDANA MENTERI IALAH PROJEK MEMBUAT **PAPAN** DARIPADA HAMPAS **PADI**, YANG MENURUTNYA MAMPU MENJADI SALAH SATU INDUSTRI TEMPATAN YANG BERPOTENSI.

BELIAU BERKATA **PADA MASA** KERAJAAN TERUS MEMAINKAN PERANAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN DAN **PEMBANGUNAN**, SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA DIGALAKKAN HEMPUNYAI MAKMAL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNANNYA SENDIRI.

SIRIM **BERTANGGUNGJAWB MEMASTIKAN MAKMAL-MAKMAL** ITU MEMENUHI KEPERLUAN PIAWAIAN YANG DITETAPKAN OLEH INSTITUT BERKENAAN **BAGI MEMUDAHKAN** SYARIKAT-SYARIKAT MENJALANKAN KAJIAN SENDIRI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIRIM AKAN **TERUS** MEMBERI KHIDMAT KEPADA USAHAWAN INDUSTRI KECIL DALAM BIDANG **PENYELIDIKAN** DAN **PEMBANGUNAN** KERANA MEREKA **TIDAK MEMPUNYAI** JENTERA YANG MENCUKUPI UNTUK TUJUAN ITU BERBANDING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BESAR. -- **LAGI**
1606MST 25 07 89

0109

R B955 B A H
MAHATHIR - SIRIM 4 SHAH ALAM

MENGENAI **KEMUNGKINAN** AKTA SIRIM DIPINDA **BAGI** MENYELARASKAN PERANANNYA YANG **KINI** SEMAKIN **BERTAMBAH**, BELIAU BERKATA PERKARA ITU AKAN DIKAJI JIKA PERLU.

YANG TURUT MENYERTAI LAWATAN **LEBIH** DARIPADA **TIGA JAM** ITU, IALAH MENTERI **SAINS, TEKNOLOGI** DAN **ALAM** SEKITAR DATUK AMAR **STEPHEN YONG** DAN TIMBALANNYA ENCIK **LAW HIENG** DENG.

SEBELUM ITU, **PERDANA MENTERI** DIBERI TAKLIMAT OLEH **PENGAWAL** SIRIM DR **AHMAD TAJUDDIN ALI**. YANG TURUT HADIR **PADA TAKLIMAT** ITU IALAH MENTERI BESAR SELANGOR TAN SRI **MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB**. --
BERNAMA

1607MST 25 07 89